

SIARAN AKHBAR
Untuk Edaran Segera
22 Disember 2025

Guthrie dan PDT Meneroka Pembangunan Strategik di Johor

Kedua-dua pihak akan bersama-sama meneroka pembangunan kawasan sehingga 5,000 ekar di Ladang Kulai milik Guthrie, yang terletak dalam Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura

Petaling Jaya, 22 Disember 2025 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) dan Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd (PDT) hari ini menandatangani satu Memorandum Eksplorasi Perniagaan (MoBE) untuk bersama-sama meneroka pembangunan kawasan sehingga 5,000 ekar di Ladang Kulai milik Guthrie, yang terletak dalam Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ).

Cadangan kerjasama tersebut bertujuan memanfaatkan sumber tanah Guthrie yang luas serta kepakaran PDT dalam pelaburan strategik. Ia turut menyasarkan pembangunan ekosistem perindustrian bertaraf dunia yang sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memacu pembangunan masa hadapan dalam sektor-sektor strategik dan berimpak tinggi.

JS-SEZ, sebuah inisiatif mercu tanda Malaysia–Singapura, merupakan faktor pemangkin utama Negeri Johor – salah satu negeri dengan pertumbuhan terpantas di Malaysia – yang mencatat pertumbuhan KDNK 6.4% pada tahun 2024, iaitu yang tertinggi di peringkat nasional. Direka untuk menarik pelaburan industri bernilai tinggi serta memperkukuh integrasi ekonomi rentas sempadan, koridor ekonomi ini meliputi kawasan seluas lebih 3,500 km², merangkumi kawasan strategik seperti Iskandar Puteri, Pasir Gudang, Pontian, Kulai dan Pengerang. JS-SEZ memanfaatkan kawasan tanah sedia ada di Johor, tahap keterhubungan yang baik, serta infrastruktur bertaraf dunia yang merangkumi pelabuhan-pelabuhan utama — Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Tanjung Langsat — Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, serta Lapangan Terbang Changi di Singapura, yang berdekatan. Faktor-faktor ini meletakkan Johor sebagai pintu masuk strategik bagi syarikat yang menyasarkan pasaran ASEAN dan global.

“Guthrie sudah lama bertapak di Johor. Selama beberapa dekad, kami mengendalikan ladang-ladang dan kilang-kilang kelapa sawit serta sebuah kilang penapisan di negeri ini, sambil memacu pembangunan mampan yang memberikan manfaat kepada masyarakat tempatan,” kata Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie. “Kami teruja untuk terus memainkan peranan dalam pertumbuhan transformatif negeri Johor melalui pembangunan strategik aset tanah kami yang berada dalam kawasan JS-SEZ.”

Kerjasama berterusan antara Guthrie dengan PDT tidak hanya mencerminkan visi kedua-dua pihak dalam membangunkan kawasan serantau, tetapi juga strategi Guthrie sendiri untuk bekerjasama dengan peneraju industri yang ternama dan sudah lama bertapak, selain agensi-agensi Negeri yang berkaitan, untuk membangunkan segmen peniagaan baharunya iaitu pembangunan perindustrian.

“Melalui kerjasama ini, kami berhasrat untuk mencipta nilai jangka panjang kepada para pemegang kepentingan kami, di samping sumbangan yang bermakna kepada agenda pembangunan Negeri Johor dan negara secara keseluruhannya,” tambah Mohamad Helmy lagi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Darul Ta’zim, Dato’ Ramlee Bin A Rahman, berkata:

“Kolaborasi kami dengan Guthrie menzahirkan komitmen PDT dalam memupuk kerjasama strategik yang mempercepat kemajuan ekonomi Johor. Pembangunan Parcel F dalam JS-SEZ bukan sahaja akan meningkatkan kapasiti perindustrian, malah menarik pelabur global, sekali gus mewujudkan peluang untuk pembangunan inovasi dan pertumbuhan yang mampan.”

Parcel F yang terletak dalam kawasan Kulai dan Sedenak di Johor, merupakan salah satu zon pembangunan strategik dalam JS-SEZ. Ia memberi tumpuan kepada pelbagai aktiviti ekonomi yang memanfaatkan kecemerlangan pembuatan, perkhidmatan termaju dan sektor-sektor memunculkan seperti ekonomi digital, perkhidmatan perniagaan, pendidikan, tenaga, keterjaminan makanan, penjagaan kesihatan, logistik dan pelancongan, yang berpotensi menarik minat industri bernilai tinggi serta pelaburan strategik.

MoBE yang ditandatangani pada hari ini menyediakan rangka kerja bagi rundingan lanjut ke arah satu perjanjian muktamad, dengan tumpuan kepada bidang-bidang utama seperti pembangunan tanah, perancangan infrastruktur, pematuhan kawal selia, penstrukturan kewangan, serta integrasi teknologi lestari dan pintar. Ini juga merupakan inisiatif kerjasama kedua antara Guthrie dan PDT, susulan satu lagi kerjasama strategik kedua-dua pihak untuk membangunkan sebuah taman perindustrian bersepadu baharu seluas 935.24 ekar di Mukim Kulai, Johor, yang diumumkan baru-baru ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Semua minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan

nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM38.72 bilion (USD9.50 billion) setakat 19 Disember 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Hafiz Noor, Head, Timbalan Ketua Pegawai Komunikasi**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Ketua, Kandungan dan Saluran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai PDT

Permodalan Darul Ta'zim (PDT), ditubuhkan pada 16 Disember 1994, merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor yang diberi mandat untuk mengurus aset dan ekuiti di bawah State Secretary Incorporated (SSI). Sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dengan rekod kecemerlangan selama tiga dekad, PDT menerajui inisiatif strategik berimpak tinggi merentasi empat teras perniagaan utama: Air dan Utiliti (Tenaga, Alam Sekitar); Minyak dan Gas; Infrastruktur dan Pembangunan Hartanah; serta Perniagaan Strategik.

Dipandu oleh slogan "Energizing a Greater Future," PDT berperanan sebagai jambatan antara kerajaan negeri, sektor swasta dan komuniti dalam melaksanakan mandat berimpak tinggi. Di samping sumbangan ekonominya, PDT turut dipertanggungjawabkan untuk menerajui inisiatif pembangunan hijau di seluruh negeri, termasuk merangka Polisi Pembangunan Hijau Johor 2030, bagi memastikan penciptaan nilai mampan untuk Johor dan komuniti setempat.

Hubungi:

- **Norindah Binti Khairi, Timbalan Pengurus, Hal Ehwal Korporat**
Tel: +6017-7880959 | E-mail: indah@pdt.com.my